

25/05/2003

Adun perlu pandang serius teguran PM

KUANTAN: Setiap Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Barisan Nasional (BN)

perlu memandang serius teguran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai wakil rakyat yang malas dan bersikap pentingkan diri sendiri.

Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata mereka perlu mengambil iktibar daripada teguran itu dengan melaksanakan tanggungjawab dengan sewajarnya.

"Ini adalah peringatan penting pemimpin. Peringatan yang diberikan bukan

yang pertama kali dan Perdana Menteri sering membuat pemantauan dan mengetahui perkembangan mereka (Adun) dari semasa ke semasa," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat pertama Kolej Komuniti

Kuantan di sini, semalam.

Khalil, yang juga Menteri Penerangan, diminta mengulas kenyataan Dr Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) semalam bahawa BN akan

menggugurkan wakil rakyatnya yang malas daripada senarai calon pilihan raya akan datang.

Beliau juga berkata, Ibu Pejabat Umno akan mengemukakan beberapa cadangan kepada Jawatankuasa Pengurusannya mengenai format, bentuk dan mekanisme bagi mengendalikan 'dry run' (pilihan raya olok-olok).

Berikutan itu, jawatankuasa pengurusan terbabit akan membentuk badan tertentu bagi memastikan segala persiapan untuk memastikan pelaksanaan 'dry run' itu berjalan lancar.

"Kita perlu membuat kajian, terutama menyediakan format serta memantau kandungan dry run yang pernah dibuat dulu.

"Dengan itu, kita perlu mengambil contoh dry run yang dibuat sebanyak tiga kali itu. Bagaimanapun, kita perlu mengkaji kelemahan dan kebaikannya

bagi membolehkan apa-apa perubahan yang perlu dilakukan.

"Apa yang penting, kita mesti memastikan modul yang lebih sesuai dan semuanya akan disiapkan oleh jawatankuasa pengurusan.

"Saya meminta semua pihak membuat persediaan. Bahagian, Pemuda, Wanita dan Puteri mengadakan 'dry run'. Ini tidak bermakna pilihan raya akan diadakan tidak lama lagi," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Mustapa

Mohamed, berkata teguran Dr Mahathir itu adalah untuk kebaikan semua.

Beliau berkata, Umno dan BN mahu pemimpin yang berwibawa, amanah dan bertanggungjawab menjalankan tugas yang diamanah oleh rakyat.

"Kita harap apa yang berlaku akan memberi kebaikan kepada semua pihak terutama rakyat," kata Mustapa yang juga Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).